

19 JUN 1997

Mahathir-risiko

ANGGAP LUBNAN RISIKO BAIK, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mokhtar Hussain

BEIRUT, 19 Jun (Bernama) -- Sambil menyifatkan Lubnan sebagai satu "risiko baik", Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta usahawan Malaysia supaya tidak terlalu runsing untuk membuat keputusan melabur di negara Asia Barat ini yang pernah dilanda peperangan.

Perdana Menteri berkata para usahawan perlu membuat penilaian sendiri dan tidak membuat sebarang andaian mengenai keadaan di Lubnan berdasarkan laporan agensi-agensi berita tertentu.

"Walaupun terdapat risiko di kawasan-kawasan tertentu, saya berpendapat Lubnan kini menjadi negara yang baik untuk pelaburan," kata beliau di akhir lawatan tiga harinya ke Lubnan, negara yang sedang memulihkan ekonominya selepas bertahun-tahun menghadapi perang saudara dan pencerobohan tentera Israel.

Yang turut hadir pada persidangan akhbar itu ialah Perdana Menteri Lubnan Rafic Hariri.

"Kita tidak dapat meramalkan apa yang akan berlaku tetapi saya berpendapat bahawa dalam banyak bidang termasuk perindustrian, Lubnan mampu menarik pelaburan," kata Dr Mahathir.

Katanya beliau terkejut dengan apa yang dilihatnya di sini kerana ia bercanggah dengan apa yang disiarkan menerusi berita di televisyen.

Dengan mengaitkan jumlah dagangan yang kecil antara kedua-dua negara kepada kurangnya maklumat, beliau berkata kerajaan Malaysia dan Lubnan bersetuju bahawa agensi berita kedua-dua negara harus menjalin hubungan dan mengadakan pertukaran berita.

Perdana Menteri berkata stesen televisyen di kedua-dua negara juga perlu menyiarkan lebih banyak maklumat dan gambar mengenai Malaysia dan Lubnan.

Beliau berkata kekurangan maklumat menyukarkan usaha menggalakkan pelancongan di kalangan rakyat kedua-dua negara.

"Kami tidak tahu langsung mengenai negara anda. Masanya telah tiba anda beritahu kami dan kami juga perlu memberitahu anda mengenai Malaysia," katanya.

Dr Mahathir telah mengadakan dialog dengan masyarakat perniagaan Lubnan selain melawat beberapa kawasan tarikan pelancong di Sidon dan Byblos.

Perdana Menteri juga berkata kedua-dua negara juga mencadangkan penubuhan sebuah suruhanjaya bersama di peringkat menteri dan juga penubuhan Majlis Perniagaan Lubnan-Malaysia bagi meningkatkan hubungan ekonomi.

Beliau juga bercakap mengenai pentingnya negara-negara jiran berkongsi kekayaan dengan berkata bahawa dasar "memiskinkan jiran anda" haruslah dielak.

"Cuba kayakan jiran anda kerana apabila jiran anda makmur, anda boleh berdagang dengannya. Tetapi jika jiran anda miskin, maka anda akan menghadapi banyak masalah dengan mereka," katanya.

Mengenai proses damai di Asia Barat, Dr Mahathir membidas dewan perwakilan Amerika Syarikat yang mengundi minggu lepas bagi mengiktiraf Baitulmuqadis sebagai ibu negara dan agar kedutaannya dipindahkan ke situ.

"Kami berpendapat Kongres Amerika langsung tidak peka kepada apa yang sedang berlaku di sini. Mereka hanya melihat dari sudut yang sempit," katanya.

Dr Mahathir berkata tentera Israel perlu berundur dari kawasan yang ditakluki sebelum proses damai dapat disambung semula.

"Kami berpendapat masyarakat antarabangsa perlu mengenakan tekanan (terhadap Israel) dan semua kuasa besar harus mengotakan janji mereka untuk melaksanakan apa juga resolusi yang dibuat oleh Bangsa-bangsa Bersatu," katanya.

Mengenai penyerahan balik Hong Kong kepada China pada 1 Julai ini, Dr Mahathir berkata ia sekadar satu peristiwa yang membolehkan kerajaan Beijing mendapatkan semula wilayah miliknya.

Kepada soalan pemberita agensi berita China, Xinhua, Perdana Menteri mengesah kerajaan Britain kerana tidak mengadakan sebarang pilihan raya di Hong Kong walaupun mereka menganggap diri sebagai demokratik.

"Jika benar mereka demokratik, mereka mungkin memberi pilihan kepada rakyat Hong Kong mengenai siapa yang harus mentadbir mereka," katanya. --
BERNAMA

MOK MAI